

03 OCT, 2021

RMK-12 asas kukuh hadapi era endemik  
Keluarga Malaysia

Berita Harian Ahad, Malaysia



# RMK-12 asas kukuh hadapi era endemik Keluarga Malaysia



Pengarah  
Eksekutif Kumpulan  
WTC Kuala Lumpur

Oleh Datuk Seri Dr  
Imohizam Ibrahim  
bhrencana@bh.com

**Rancangan** Malaysia Ke-12 (RMK-12) dokumen strategi pembangunan lebih 500 halaman dibentangkan dan diketahui umum. Ia asas kepada usaha terkini menghadapi era baharu, iaitu era endemik diakibatkan COVID-19.

Secara keseluruhan, penulisan pandemik memberi impak luar jangka kepada pendapatan isi rumah dan mengubah struktur kumpulan isi rumah.

Pada peringkat dunia pula, pandemik meninggalkan lima impak persekitaran teras yang memerlukan tindakan konkrit seluruh dunia.

Pertama, ekonomi bergelut dengan peningkatan kadar pengangguran dan pada masa sama, dunia menyaksikan peningkatan kemiskinan melampau. Kedua, impak berkaitan hutang awam global yang meningkat ke tahap tertinggi.

Ketiga, penutupan sempadan dan kelewatan penghantaran bekalan menjelaskan bekalan barang dan perkhidmatan seluruh dunia, manakala keempat, berkaitan ledakan digitalisasi dan e-dagang.

Impak terakhir pula, pelaksanaan dasar vaksin di seluruh dunia, satu perkembangan besar-besaran dan luar biasa disaksikan.

Lima impak besar digariskan ini hanya bersifat makro. Apabila dikaji dan diteliti dari sudut mikro, sudah pasti akan membawa kita kepada isu dan masalah lebih besar, dialami penduduk dunia.

Dalam menghadapi 2022, kita tidak ada pilihan melainkan semua pihak berkepentingan berfikir dan menggariskan pendekatan lebih bersifat konkrit untuk mendepani cabaran dalam dua atau tiga tahun akan datang. Kita memerlukan dasar ekonomi jangka panjang pasca pandemik untuk menghadapi cabaran mendatang.

Isnin lalu, kerajaan membentangkan RMK-12 yang memfokus kepada perancangan lima tahun 2021-2025. Ia akan disusuli pembentangan Belanjawan 2022. Kedua-duanya berteraskan keperluan dan cabaran pasca pandemik.

RMK-12 sewajarnya dipuji kerana menampilkan suatu usaha kerajaan secara inklusif. Ia mengambil kira semua keadaan seperti kehendak norma baharu ekonomi masa hadapan, Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan pasca COVID-19.

Ia bagus untuk ketahanan pertumbuhan sosioekonomi negara, terutama pemulihan drastik ekonomi negara.

Sememangnya Keluarga Malaysia menantikan usaha sebegini bagi meredakan tekanan dialami sepanjang negara dilanda pandemik.

Fokus kerajaan dalam menerima guna teknologi baharu dengan usaha mencipta



serta membangunkan teknologi sendiri adalah tepat. Ini satu kemandirian yang membolehkan negara mengurangkan kebergantungan terhadap teknologi negara luar, jika kita cipta dan hasilkan sendiri dan menajana pendapatan sendiri.

Elemen menangani ketirisan ekonomi juga dapat dilakukan dengan mempraktikkan sistem ekonomi berteraskan teknologi. Selain melonjakkan negara berpendapatan tinggi, ia dapat merapatkan jurang pengangguran melalui inisiatif Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0), MyDigital dan transformasi serta fokus lain.

Tumpuan terhadap hala tuju strategik bagi mencapai 'Keluarga Malaysia-Makmur, Inklusif, Mampan' memberi makna kepada kita semua. Diharapkan kerajaan benar-benar dapat mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada 4.5 peratus hingga 5.5 peratus, di samping menjadi sebuah negara berpendapatan dan berteknologi tinggi.

Sebuah jawatankuasa pemandu peringkat Kabinet harus diwujudkan bagi memastikan setiap dirancang dapat dilaksanakan mengikut jadual serta memenuhi kehendak rakyat.

Keseimbangan pembangunan dan kekayaan negara penting untuk kita sebagai Keluarga Malaysia, terutama dalam menyediakan perancangan jangka panjang modal insan generasi muda Malaysia.


Sementara negara sudah ada satu strategi teras, dari segi mikro, kita memerlukan pelaksanaan tersusun untuk membawa negara dan rakyat keluar daripada impak pandemik.

Perancangan sistematik dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak dan rakan strategik ekosistem penting. Pihak berkuasa dan pemikir diharap menggunakan pendekatan baharu untuk membawa negara ke fasa seterusnya, iaitu fasa endemik.

Kita bukan hanya perlu mendidik rakyat erti endemik, tetapi perlu ada strategi khusus menerima dengan baik dan secara menyeluruh kitaran hidup endemik.

Pendekatan berbeza ini bukan sahaja diperlukan dalam bidang kesihatan, tetapi juga dalam setiap tahap kehidupan tidak kira sektor dan industri, serta bidang.

Sudah pasti dengan adanya RMK-12, ia akan membabitkan tindakan holistik dan agresif, serta penggunaan sumber yang pelbagai untuk menyemai dan meningkatkan kesedaran akan kepentingan corak kehidupan baharu dalam era bakal mendatang, iaitu endemik.



**BelalangJalanRiong**  
bhrencana@bh.com.my

## Langkah tepat wajib penjawat awam divaksin

**Tepat** sekali apabila Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mewajibkan semua penjawat awam mengambil vaksin COVID-19. Seharusnya sektor swasta juga mencontohi supaya capaian imunisasi COVID-19 lebih menyeluruh.

Motif tindakan bukan menganiaya sesiapa, sebaliknya demi keselamatan dan kelancaran operasi. Lihat sahaja 2,000 guru yang tidak divaksin, bagaimana ia mengganggu ekosistem dan kelancaran operasi persekolahan.

Jika dilihat, kerajaan sendiri sudah umum vaksinasi lengkap sebagai syarat utama menikmati kemudahan disediakan melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN). Jadi kenapa nak cari masalah, sedangkan keberkesanan vaksin terbukti. Jangan pula lepas ini terkebil-kebil melihat orang lain bebas bergerak, sedangkan diri 'berkurung' kerana tidak divaksin.

## Nilai baik buruk mula sekolah pada Mac

**Belalang** setuju cadangan memulakan sesi persekolahan secara tetap bermula Mac setiap tahun banyak sisi positifnya, terutama dalam mengelak risiko peperiksaan utama terganggu akibat banjir hujung tahun.

Namun, sebelum diteruskan, ada baiknya dikaji dan diteliti mendalam. Jika dilihat tarikh persekolahan sesi 1991 pernah diawalkan Disember 1990 disebabkan banjir melanda Pantai Timur, namun dikembalikan semula kepada asal beberapa tahun kemudian.


Ini perlu diteliti. Bukan sahaja sebab keputusan itu dibuat, tetapi mengapa ia diubah kepada asal. Yang penting, pandangan semua pemegang taruh perlu diambil kira supaya tidak timbul pula andaian 'syok sendiri' di kemudian hari.

## Imej positif mudahkan kerja SPRM

**Jumaat** lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyambut ulang tahunnya ke-54. Pastinya banyak cabaran dilalui, begitu juga kejayaan.

Hakikatnya, fungsi dan peranan SPRM perlu terus relevan. Sedih mendengar SPRM dituduh bermacam-macam, termasuk didakwa menjadi alat politik pihak tertentu selain pendakwaan dilakukan mereka juga kononnya bersifat terpilih.

Sebagai 'polis' menjaga integriti, SPRM perlu pastikan imejnya kekal positif dan aspek integriti sentiasa terbaik. Penting sekali kekeliruan khususnya dalam kes berprofil tinggi diperjelas kepada umum supaya tidak timbul spekulasi dan tohmahan berpanjangan. Jika imej mantap, barulah ketelusan dan integriti SPRM diyakini.



03 OCT, 2021

## RMK-12 asas kukuh hadapi era endemik Keluarga Malaysia

Berita Harian Ahad, Malaysia



### SUMMARIES

Oleh Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim [bhrencana@bh.com](mailto:bhrencana@bh.com)

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dokumen strategi pembangunan lebih 500 halaman dibentangkan dan diketahui umum. Ia asas kepada usaha terkini menghadapi era baharu, iaitu era endemik diakibatkan COVID-19. Secara keseluruhan, penularan pandemik memberi impak luar jangka kepada pendapatan isi rumah dan mengubah struktur kumpulan isi rumah. Pada peringkat dunia pula, pandemik meninggalkan lima impak persekitaran teras yang memerlukan tindakan konkrit seluruh dunia.